

**PENGLIBATAN DAN PERSEPSI PENDUDUK  
LUAR BANDAR TERHADAP PELAKSANAAN  
PROGRAM GERAKAN DESA WAWASAN  
DI KAMPUNG BERUNDONG PAPAR, SABAH**



**NUR SHASLINDA BINTI ABDUL KADIR**

**UTMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**PENGLIBATAN DAN PERSEPSI PENDUDUK  
LUAR BANDAR TERHADAP PELAKSANAAN  
PROGRAM GERAKAN DESA WAWASAN  
DI KAMPUNG BERUNDONG PAPAR, SABAH**

**NUR SHASLINDA BINTI ABDUL KADIR**



**UMS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA  
SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **PENGLIBATAN DAN PERSEPSI PENDUDUK LUAR BANDAR  
TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM GERAKAN DESA WAWASAN DI  
KAMPUNG BERUNDONG PAPAR, SABAH**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

Saya **NUR SHASLINDA BINTI ABDUL KADIR**, Sesi **2017/2019**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

---

**NUR SHASLINDA BINTI ABDUL KADIR**  
**MA1711201T**

---

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 29 Oktober 2019

---

(Dr. Ubong Imang)  
Penyelia Utama


---

(Dr. Colonius Atang)  
Penyelia Bersama

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa karya yang bertajuk "Penglibatan dan persepsi penduduk luar bandar terhadap pelaksanaan Program Gerakan Desa Wawasan di Kampung Berundong Papar, Sabah" merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28 Januari 2019



---

Nur Shaslinda Binti Abdul Kadir

MA1711201T

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **NUR SHASLINDA BINTI ABDUL KADIR**  
NO.MATRIK : **MA1711201T**  
TAJUK : **PENGLIBATAN DAN PERSEPSI PENDUDUK  
LUAR BANDAR TERHADAP PELAKSANAAN  
PROGRAM GERAKAN DESA WAWASAN DI  
KAMPUNG BERUNDONG PAPAR, SABAH**  
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**  
TARIKH VIVA : **11 OKTOBER 2019**



**1. PENYELIA UTAMA**

Dr. Ubong Imang

DISAHKAN OLEH;

**UMS**  
Tandatangan  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**2. PENYELIA BERSAMA**

Dr. Colonius Atang

\_\_\_\_\_  
Tandatangan

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah di panjatkan syukur kepada hadrat Ilahi kerana kurnianya penyelidikan ini telah berjaya disiapkan berdasarkan tempoh masa yang telah ditetapkan.

Pertama sekali ucapan penghargaan saya ingin tujukan kepada penyelia utama saya Dr Ubong Imang dan penyelia bersama Dr Colonius Atang atas tunjuk ajar yang telah berikan sepanjang tempoh masa dalam menyiapkan penyelidikan ini. Saya berasa amat bertuah di bawah seliaan kedua penyelia hebat berkenaan kerana banyak memberikan tunjuk ajar dalam bidang penulisan ilmu penyelidikan.

Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Hj Abdul Kadir Bin Hj. Ahmad dan Hjh. Supiasma Binti Hj. Larodding atas segala doa, dorongan dan bantuan wang ringgit dalam menyiapkan penyelidikan ini. Serta adik beradik dan keluarga yang tersayang.

Penghargaan tidak lupa juga kepada semua warga penduduk Kampung Berundong Papar. Atas kerjasama yang diberikan sepanjang saya berada di lapangan dalam menjalankan proses pengumpulan data penyelidikan. Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan saya Kho Shiau Hong atas kesudian menemani saya untuk mengutip data di Kampung Berundong Papar. Tidak lupa juga teman seperjuangan Fiona George yang turut memberikan tunjuk ajar dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Ribuan terima kasih juga kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) UMS kerana penyelidikan ini mendapat peruntukkan di bawah Geran UMS-Great dengan kod projek GUG0250-1/2018.

Akhir kata semoga saya dapat membalas jasa baik kalian pada suatu hari nanti.

Penghargaan dan doa saya juga ingin saya sampaikan kepada nenda tercinta Allahyarhama Hjh P. Hadara Binti Jamaluddin yang telah kembali kerahmatullah. Al-Fatihah.

Nur Shaslinda Binti Abdul Kadir  
29 Oktober 2019

## ABSTRAK

Program Gerakan Desa Wawasan merupakan program pembangunan luar bandar yang diperkenalkan pada tahun 1996 dalam Era Dasar Pembangunan Nasional yang menekankan penglibatan aktif penduduk secara pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dalam menguruskan pembangunan kampung. Kajian terdahulu membuktikan penglibatan penduduk adalah satu daripada indikator penentu kepada tahap pencapaian sesuatu program pembangunan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai penglibatan dan persepsi penduduk luar bandar terhadap pelaksanaan program Gerakan Desa Wawasan dengan mengambil Kampung Berundong Papar sebagai kawasan kajian. Tiga objektif digariskan untuk mencapai tujuan kajian iaitu (i) Mengetahui corak penglibatan penduduk dalam program GDW, (ii) Menilai tahap penglibatan penduduk terhadap program GDW (iii) Menilai persepsi penduduk terhadap pelaksanaan program GDW. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik diedarkan kepada 66 responden yang terdiri dari ketua isi rumah. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan keberangkatan rawak mudah. Teknik statistik deskriptif seperti peratusan dan analisis skor min digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif. Temu bual semi berstruktur dilakukan bersama Pegawai KEMAS di peringkat negeri untuk mendapatkan pendapat tentang pelaksanaan GDW di Sabah dan Pengerusi JKKK untuk mendapatkan pelaksanaan GDW di Kampung Berundong Papar. Hasil kajian mendapati darisegi corak penglibatan responden lebih tertumpu kepada projek landskap dan pengindahan kampung, gotong-royong, program kerohanian dan program kesihatan. Bersandarkan kepada Model Tipologi Pretty, kajian ini mendapati tahap penglibatan penduduk berada dalam tingkat penglibatan yang tertinggi iaitu sebagai penggerak sendiri. Manakala berdasarkan penilaian ke atas responden terhadap pelaksanaan program GDW berdasarkan tujuh aspek yang dikaji menunjukkan ianya berada pada tahap sederhana. Sehubungan itu, dicadangkan supaya dilakukan penilaian dan pemantauan yang berterusan ke atas program pembangunan terutama di kawasan luar bandar, demi mencapai matlamat utama program. Hal ini bagi memastikan manfaat program dapat tersebar meluas dan menyeluruh dalam kalangan penduduk yang disasarkan.

**Kata Kunci** Program Gerakan Desa Wawasan, penglibatan, corak, tahap, persepsi

## **ABSTRACT**

### ***PARTICIPATION AND PERCEPTION OF POPULATION IN RURAL AREAS TO THE IMPLEMENTATION OF THE WAWASAN VILLAGE MOVEMENT PROGRAM AT KAMPUNG BERUNDONG PAPAR, SABAH***

*The Village Movement Program is a rural development program introduced in 1996 in the National Development Policy Era that emphasizes the active involvement of the people in the bottom-up approach in managing village development. Previous studies have shown that participation is one of the key indicators of the level for achievement a program development. Therefore, this study aimed to evaluate the participation and perceptions of the rural population in the implementation of the Village Movement program by taking Kampung Berundong Papar as an area study. Three objectives are outlined to achieve the purpose of the study: (i) Identifying patterns of population involved in the GDW program, (ii) Assessing the level of population involved in the GDW program (iii) Assessing the people's perception of GDW program implementation. This study uses a quantitative approach. Questionnaires were distributed to 66 respondents comprising heads of households. Respondents were selected using a simple random probability sampling method. Descriptive statistics techniques such as percentage and mean score analysis are used to analyze quantitative data. This study also uses a qualitative approach. A semi-structured interview was conducted with KEMAS officials at the state level to get an opinion on GDW implementation in Sabah and JKKK Chairman for GDW implementation in Kampung Berundong Papar. The results showed that the respondents of the pattern engagement were more focused on landscaping and village projects, gotong-royong, spirituality and health programs. Based on the Pretty Typological Model, this study found that the level of participation of the population was at a high level that involved self-driving. Meanwhile, based on the respondents' evaluation of the implementation of the GDW program based on the seven aspects studied, it was average. Therefore, it is recommended that ongoing evaluation and monitoring of program development be carried out especially in rural areas, in order to achieve the main goals of the program. This is to ensure that benefits programs can be widely and widely distributed among the targeted population.*

**Keywords** *The Village Movement Program, participation, pattern, level, perception*



# SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kawasan Kajian	7
1.8 Rasional Pemilihan Kawasan Kajian	8
1.9 Kepentingan Kajian	10
1.9.1 Organisasi Pembangunan	10
1.9.2 Disiplin Ilmu Geografi	11
1.9.3 Penduduk Kampung	11

1.9.4	Masyarakat Luar Bandar	11
1.9	Kesimpulan	12

## **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Utama Kajian	13
2.2.1	Konsep GDW	14
2.2.2	Konsep Penglibatan	15
2.2.3	Konsep Persepsi	15
2.2.4	Konsep Luar Bandar	16
2.2.5	Konsep Modal Insan	18
2.2.6	Konsep Nepotisme	20
2.3	Model Kajian	22
2.3.1	Model Penglibatan	22
2.3.2	Model Penilaian	25
2.4	GDW Dalam Pembangunan Luar Bandar	27
2.4.1	Pelaksanaan GDW di Malaysia	27
2.4.2	Pelaksanaan GDW di Sabah	35
2.4.3	Pelaksanaan GDW di Kg. Berundong Papar	36
2.5	Aspek Pembangunan GDW	38
2.5.1	Kepimpinan	39
2.5.2	Pendidikan	40
2.5.3	Ekonomi	41
2.5.4	Kebersihan dan Kesihatan	42
2.5.5	Keceriaan dan Keindahan	43
2.5.6	Kerohanian Dan Sivik	43
2.5.7	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	44

2.6	Faktor Mempengaruhi Kejayaan atau Kegagalan Program Pembangunan Luar Bandar	46
2.6.1	Faktor Luaran	46
	i. Masalah Rasuah	46
	ii. Struktur Tadbir Urus	47
	iii. Campur Tangan Politik	48
	iv. Faktor Kewangan	49
2.6.2	Faktor Dalaman	50
	i. Kemahiran Kepimpinan	50
	ii. Lokasi Geografi	52
2.7	Lompang Kajian	53
2.7.1	Kajian Lepas Penglibatan Penduduk Luar Bandar dalam Program Pembangunan Luar Bandar	54
2.7.2	Kajian Lepas Program Gerakan Desa Wawasan	56
2.7.3	Lokasi Kajian Penyelidikan	58
2.8	Kerangka konseptual kajian	59
2.9	Kesimpulan	60

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	61
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	61
3.2.1	Carta Alir Kajian	63
3.3	Pengumpulan Data	64
3.3.1	Data Primer	65
	i. Pemerhatian Tidak Turut Serta	65
	ii. Borang Soal Selidik	65
	a. Persampelan Dan Populasi	68

b. Kajian Rintis	72
iii. Temubual Semi Berstruktur	74
3.3.2 Data Sekunder	75
i. Kajian Perpustakaan	75
ii. Rujukan Internet Dan Laman Web	76
3.4 Teknik Analisis Dan Persembahan Data	76
3.4.1 Kuantitatif	76
i. Analisis Data Objektif Pertama	76
ii. Analisis Data Objektif Kedua	77
iii. Analisis Data Objektif Ketiga	78
3.4.2 Kualitatif	79
3.5 Kesimpulan	80

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pengenalan	81
4.2 Profil Responden	81
4.3 Tahap Pengetahuan Responden Terhadap GDW	84
4.4 Corak Penglibatan Responden Terhadap Jenis Aktiviti GDW	85
4.4.1 Pengurusan Kampung	90
i. Mesyuarat	90
ii. Koperasi	91
4.4.2 Program Peningkatan Ekonomi Kampung	92
i. Kuih lidah	92
ii. Sos	93
4.4.3 Projek Landskap Dan Pengindahan Kampung	95
4.4.4 Gotong-royong	96

4.4.5	Kerohanian	95
	i. Kelas Mengaji	97
	ii. Ceramah Agama	98
4.4.6	Kesihatan	99
4.4.7	Pendidikan Kursus/latihan	100
	i. Kursus Jahitan	100
	ii. Kursus Pembuatan Kuih Kering	101
4.5	Tahap Penglibatan Penduduk Terhadap Program GDW	102
4.5.1	Penggerak Sendiri	106
4.5.2	Interaktif	107
4.5.3	Fungsian	108
4.5.4	Intensif Material	109
4.5.5	Pasif	112
4.6	Persepsi Penduduk Terhadap Pelaksanaan GDW	112
4.6.1	Kepimpinan	113
4.6.2	Pendidikan	115
4.6.3	Ekonomi	118
4.6.4	Kebersihan Dan Kesihatan	120
4.6.5	Keceriaan Dan Keindahan	121
4.6.6	Kerohanian Dan Sivik	123
4.6.7	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	125
4.7	Kesimpulan	126


## **BAB 5 RUMUSAN DAN PENUTUP**

5.1	Pengenalan	128
5.2	Rumusan Hasil Penemuan Kajian	128
5.2.1	Corak Penglibatan Penduduk Dalam GDW	128

5.2.2	Tahap penglibatan penduduk Dalam GDW	130
5.2.3	Persepsi Penduduk Terhadap Pelaksanaan GDW	131
5.3	Implikasi Kajian	135
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	136
5.4.1	Kajian Ke Atas Penglibatan Golongan Sasar Dalam Program Luar Bandar	137
5.4.3	Kajian Terhadap Penglibatan Belia Di Kawasan Luar Bandar	138
5.5	Penutup	138

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1 : Pencapaian Kampung Berundong Papar	9
Jadual 2.1 : Kriteria kawasan luar bandar	17
Jadual 2.2 : Ciri pembangunan modal insan di Malaysia	19
Jadual 2.3 : Definisi operasional konsep utama kajian	21
Jadual 2.4 : Tipologi penglibatan penduduk	22
Jadual 2.5 : Model Tipologi Pretty	23
Jadual 2.6 : Model KIPH	25
Jadual 2.7 : Piagam Desa Wawasan	28
Jadual 2.8 : Inisiatif falsafah dan strategi pembangunan luar bandar	31
Jadual 2.9 : Kriteria pemilihan kampung GDW	32
Jadual 2.10 : Kajian lepas GDW	57
Jadual 3.1 : Proses kajian tinjauan	62
Jadual 3.2 : Jumlah sampel kajian	72
Jadual 3.3 : Skala Likert	78
Jadual 3.4 : Tahap skor min	78
Jadual 3.5 : Ringkasan analisis data	80
Jadual 4.1 : Profil responden	82
Jadual 4.2 : Tahap pengetahuan berkaitan kewujudan GDW	84
Jadual 4.3 : Kefahaman responden mengenai GDW	85
Jadual 4.4 : Corak penglibatan responden	87
Jadual 4.5 : Tahap penglibatan penduduk dalam GDW	104

Jadual 4.6	: Persepsi penduduk terhadap aspek kepimpinan	113
Jadual 4.7	: Persepsi penduduk terhadap aspek pendidikan	116
Jadual 4.8	: Persepsi penduduk terhadap aspek ekonomi	118
Jadual 4.9	: Persepsi penduduk terhadap aspek kebersihan dan kesihatan	121
Jadual 4.10	: Persepsi penduduk terhadap aspek keceriaan dan keindahan	122
Jadual 4.11	: Persepsi penduduk terhadap aspek kerohanian dan sivik	124
Jadual 4.12	: Persepsi penduduk terhadap aspek teknologi maklumat dan komunikasi	125



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1 : Peta lokasi kajian Kgampung Berundong Papar	7
Rajah 2.1 : Pendekatan dari bawah ke atas ( <i>bottom-up approach</i> )	14
Rajah 2.2 : Aspek-aspek pembangunan modal insan	19
Rajah 2.3 : Hierarki model tipologi pretty	25
Rajah 2.4 : Struktur penilaian program	26
Rajah 2.5 : Struktur jawatankuasa GDW	34
Rajah 2.6 : Carta organisasi Kg Berundong Papar	37
Rajah 2.7 : Langkah membentuk pemimpin program pembangunan	38
Rajah 2.8 : Prinsip transformasi pemimpin	40
Rajah 2.9 : Proses komunikasi dalam mesyuarat	45
Rajah 2.10 : Kerangka konseptual	59
Rajah 3.1 : Carta alir kajian	64
Rajah 3.2 : Rangka pemilihan sampel di Kg Berundong Papar	69
Rajah 3.3 : Taburan populasi KIR berdasarkan kediaman	70
Rajah 3.4 : Langkah pemilihan sampel	71
Rajah 4.1 : Kawasan tumpuan corak penglibatan GDW	86
Rajah 4.2 : Tahap penglibatan responden berdasarkan model tipologi pretty	103

## SENARAI SINGKATAN

<b>ADC</b>	-	Anugerah Desa Cemerlang
<b>AJK</b>	-	Ahli jawatankuasa
<b>DEB</b>	-	Dasar Ekonomi Baru
<b>FAMA</b>	-	Lembaga Pemasaran Pertanian
<b>GDW</b>	-	Gerakan Desa Wawasan
<b>FSBPLB</b>	-	Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar
<b>ICT</b>	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
<b>IRD</b>	-	<i>Integrated Rural Development</i>
<b>INFRA</b>	-	Institusi Kemajuan Desa
<b>JKKK</b>	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
<b>KEMAS</b>	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
<b>KIR</b>	-	Ketua isi rumah
<b>KIRT</b>	-	Ketua isi rumah termiskin
<b>Kg.</b>	-	Kampung
<b>KPLB</b>	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
<b>MID</b>	-	Medan Info Desa
<b>NGO</b>	-	<i>Non-Governmental Organisation</i>
<b>RMK</b>	-	Rancangan Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Halaman</b>
Lampiran 1 : Soalan temubual Pegawai KEMAS	151
Lampiran 2 : Soalan temubual Pengerusi JKKK	152
Lampiran 3 : Transkrip temubual bersama Pegawai KEMAS 1 dan 2	153
Lampiran 4 : Transkrip temubual bersama Pengerusi JKKK	159
Lampiran 5 : Borang soal selidik	176
Lampiran 6 : Data corak penglibatan responden	184
Lampiran 7 : Data tahap penglibatan di lapangan berdasarkan model	195



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab ini merupakan bahagian pendahuluan yang membincangkan latar belakang kajian program pembangunan luar bandar di peringkat global, Malaysia dan kawasan kajian. Justeru, perbincangan dalam bab ini akan memberi fokus kepada permasalahan kajian yang menjurus kepada wujudnya persoalan yang membawa kepada objektif dalam kajian ini. Bab ini turut menerangkan skop kajian yang meliputi fokus kajian dijalankan. Selain itu, lokasi kajian yang menerangkan dengan ringkas tentang profil kawasan kajian serta rasional pemilihan lokasi kajian berkenaan untuk dijadikan kawasan kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Bahagian akhir bab ini menghuraikan kepentingan kajian diikuti dengan kesimpulan bab.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pembangunan ditakrifkan sebagai proses membangun untuk mencapai kemajuan, perkembangan, usaha atau kegiatan membangunkan, memajukan dan mengembangkan (Syed, 1993). Di peringkat global khususnya di Eropah didapati bahawa program pembangunan luar bandar lebih dikaitkan dengan dasar pertanian. Lebih menekankan kepada kawasan luar bandar yang mempunyai persekitaran kehidupan dan mesra alam (Gallardo-Cobos, 2010). Program pembangunan luar bandar yang diwujudkan juga dikatakan sebagai satu bentuk program pembangunan yang tidak memberi kesan kepada dasar masa depan ke

tahap yang boleh dilihat (Andersson, Hojgard, & Rabinowicz, 2017). Manakala jika dilihat di Thailand program pembangunan luar bandar lebih menekankan kepada peningkatan ekonomi kampung melalui pengenalan program *One Tambon One Product* memberikan penekanan kepada pendekatan ekonomi tempatan dalam memajukan program pembangunan luar bandar (Natsuda & Wiboonpongse, 2012). Di Korea pula pembangunan luar bandar lebih menekankan kepada penglibatan penduduk dalam program pembangunan bagi memenuhi perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan di kawasan mereka (Jemal *et al.*, 2013).

Manakala dalam menjelaskan konteks strategi program pembangunan luar bandar di Malaysia pula telah berubah daripada fasa pembangunan fizikal kepada pembangunan modal insan. Bahkan menurut Badariah (2007) kejayaan sesebuah rancangan pembangunan hendaklah diikuti dengan pembangunan manusianya. Manakala Craig (1996) dalam kajiannya menyatakan kini pembangunan modal insan menjadi tumpuan utama dan diyakini bagi memastikan kejayaan pembangunan luar bandar. Keadaan ini berlaku melalui penglibatan aktif penduduk dalam program yang diperkenalkan, yang mampu diwujudkan melalui kebolehan dan kemampuan yang terdapat dalam diri modal insan berkenaan. Kajian oleh Mohammad Ghazli & Haliza (2011) menyatakan penglibatan penduduk sangat penting kerana merupakan individu yang berkepentingan menerima kesan yang signifikan kepada program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan. Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan kepada pihak yang berkepentingan dalam membangunkan modal insan terlebih dahulu sebelum aspek pembangunan lain.

Dalam pada itu, penumpuan terhadap program pembangunan modal insan dilihat sebagai satu usaha yang menyeluruh dalam membangunkan kawasan luar bandar. Penglibatan penduduk luar bandar dalam program pembangunan luar bandar dapat diwujudkan melalui kesedaran penduduk luar bandar melibatkan diri dalam program pembangunan luar bandar yang diwujudkan di kawasan mereka. Pada Era Dasar Pembangunan Nasional yang diwujudkan aspek pembangunan modal insan mula di beri penekanan. Selaras matlamat Gerakan Desa Wawasan (GDW) berlandaskan modal insan bersifat setempat dengan hanya membabitkan penduduk kampung dan institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) melalui latihan dan kemahiran yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Sehubungan itu, program GDW yang diperkenalkan pada Era Dasar Pembangunan Nasional 1991-2000 di Malaysia tidak lagi tertumpu kepada aspek pembinaan infrastruktur kawasan luar bandar. Namun kini ke arah pembinaan modal insan dalam kalangan penduduk luar bandar. Strategi pelaksanaan GDW merupakan satu proses membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk ke arah transformasi luar bandar (Azlizan *et al.*, 2009). Melalui strategi ini penduduk kampung itu sendiri merupakan penyumbang utama kepada pelaksanaan GDW di kawasan luar bandar. Menurut Ishak Shari (1993) pembangunan tenaga manusia adalah satu strategi penyokong yang amat penting, kerana pertumbuhan ekonomi bergantung kepada sumber tenaga manusia. Wujud seiring dengan matlamat GDW iaitu mewujudkan penduduk kampung yang berdaya tahan, berinisiatif, berdikari, berilmu dan memiliki disiplin kerja yang tinggi bagi melakukan proses pemodenan kampung.

Jika dilihat di Sabah, transformasi strategi untuk pembangunan luar bandar juga berlaku. Misalnya, pada peringkat awal penekanan diberikan kepada pembangunan sumber ekonomi negeri melalui aktiviti perladangan dan pembalakan yang menjadi pemangkin pembangunan infrastruktur sosioekonomi di kawasan luar bandar (Paul, 2000). Pada tahun 1994, pembangunan berorientasikan modal insan dilaksanakan melalui pengenalan Desa Wawasan. Kampung Berundong Papar merupakan salah satu daripada kampung yang masih aktif dengan program GDW sejak awal pengenalan program berkenaan sehingga kini. Kampung ini terlibat dalam pengusahaan kuih tradisional, bagi menjana sumber kewangan sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan sepenuhnya. Kampung ini juga terlibat dengan pelbagai bentuk aktiviti kampung di bawah program GDW di kawasan kampung berkenaan.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Di negara Dunia Ketiga, keghairahan untuk merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan mencerminkan cara pihak kerajaan dalam melakukan perubahan penduduk secara keseluruhan (Dinik, 2004). Salah satu strategi bagi mencapai hasrat ini ialah dengan pembangunan modal insan yang membantu pembangunan program luar bandar (Jariah, 2003; Azlizan *et al.*, 2009; Ibrahim, 2003). Antara program yang berorientasikan modal insan ialah GDW yang menekankan kepada penglibatan aktif penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan secara pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*). Sehubungan itu, dalam melihat kejayaan sesuatu program pembangunan luar bandar penglibatan merupakan satu elemen yang penting untuk dikaji. Misalnya kajian Azhar *et al.*, 2013; Haslina & Regina, 2009; Kalsom & Nor Ashikin, 2006; Mohammad Shatar (2003) mendapati penglibatan penduduk dalam program pembangunan luar bandar merupakan elemen yang penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program yang diwujudkan. Namun begitu, kajian berkaitan penglibatan hanya cenderung menonjolkan sama ada bidang penglibatan bagi ekonomi atau sosial. Walhal, bidang penglibatan tersebut adalah berkaitan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada corak penglibatan penduduk dalam kedua bidang berkenaan iaitu ekonomi dan sosial yang wujud di bawah GDW.

Selain itu, kajian ini dilakukan kerana kurang kajian lepas berkaitan GDW di Sabah. Pelaksanaan GDW diperkenalkan hampir 23 tahun namun kebanyakan kajian hanya memfokuskan Semenanjung Malaysia berdasarkan kajian Mohamad Zabidin, 2002; Azlizan *et al.*, 2009; Mohd Koharuddin, 2005; Jariah, 2003; Mohd Arpan, 2004; Haris, 2010; Nur Huzeima & Suriati, 2009. Namun di Sabah kajian yang memberikan penekanan dalam pelaksanaan GDW masih kurang, walhal negeri Sabah sebahagian besar kawasannya luar bandar dan antara negeri yang termiskin di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Namun, hanya dua kajian memberikan perhatian tentang pelaksanaan GDW iaitu Norhaya *et al.*, (2017) namun ianya tidak menyeluruh kerana hanya memfokuskan kepada isu dan cabaran serta Mokhtarrudin (2002) yang meninjau tahap penggunaan komputer di kampung GDW. Oleh itu, untuk menilai penglibatan dan persepsi penduduk dalam

program pembangunan luar bandar dengan mengambil GDW dilihat bersesuaian. Disebabkan program GDW merupakan program pembangunan luar bandar yang menyeluruh dalam membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa. Oleh itu, kajian ini ingin menilai penglibatan penduduk yang mendorong mereka melibatkan diri dalam GDW yang diperkenalkan khasnya di kawasan kajian.

Menurut Getrude (2003) setiap program yang dilaksanakan memerlukan penilaian untuk melihat pelaksanaannya. Oleh itu, bagi menjawab permasalahan ini penglibatan dan persepsi penduduk terhadap GDW yang dilaksanakan diambil kira dalam kajian ini. Justeru itu, hasil perbezaan pandangan yang diutarakan penyelidik lepas menyebabkan penyelidik tertarik menjalankan kajian ini bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul iaitu bagi menjawab sejauh mana corak penglibatan, tahap penglibatan dan persepsi penglibatan penduduk terhadap program pembangunan luar bandar di Sabah. Melalui pengambilan GDW sebagai bentuk program pembangunan luar bandar yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan yang telah menjangkau 23 tahun pelaksanaannya. Manakala pelaksanaannya di Kampung Berundong Papar telah menjangkau 16 tahun dan merupakan kampung GDW yang masih aktif sejak pengenalan GDW. Selain menjadi kampung mentor kepada kampung di daerah Papar iaitu Kg. Biau Bongawan, Kg. Nyaris-nyaris Bongawan, Kg. Serbang Bongawan, Kg. Labak Kinarut dan Kg. Seberang Benoni sehingga kini.

Oleh itu, kajian mendalam berkenaan penglibatan dan persepsi penduduk terhadap pelaksanaan GDW dalam memajukan kawasan luar bandar perlu dilakukan. Bagi menjelaskan pencapaian matlamat pelaksanaan GDW yang menekankan penglibatan aktif penduduk kampung dalam proses pengurusan dan perancangan kampung. Maka dalam konteks kajian ini penglibatan dilihat melalui keaktifan penduduk untuk terlibat dalam program pembangunan luar bandar yang diperkenalkan di bawah GDW. Selain itu, maklum balas daripada penduduk yang terlibat aktif dalam GDW yang dilaksanakan di Kampung Berundong Papar turut diberikan perhatian. Melalui kajian ini diharapkan mampu membantu pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program pembangunan luar bandar agar dapat mempertingkatkan dan menambahbaik kelemahan yang ada untuk memastikan pembangunan luar bandar yang lebih efisien.